

Minta Pusat Zakat salur dana bina rumah mangsa

B. HARIAN 29 JAN NASIONAL M/S 18

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan meminta kerjasama pusat zakat negeri untuk menyalurkan sumbangan kepada 'Dana Wakaf Rumah Kontena' bagi membina kembali lebih banyak rumah penduduk yang musnah akibat banjir, baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, usaha berkenaan dapat membantu mempercepatkan pembinaan rumah terbabit, sekali gus membolehkan penduduk segera memulakan hidup selepas kehilangan tempat tinggal akibat bencana itu.

"Untuk rumah yang mempunyai tiga bilik dan berkeluasan 700 kaki persegi kami menawarkannya dengan harga RM65,000 manakala rumah dua bilik pula berharga RM45,000," katanya selepas majlis sumbangan kepada mangsa banjir yang juga kakitangan ahli Kelab Media Pahang 2015 di Kompleks Penyiaran Sultan Ahmad Shah, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya melalui anak syarikat Innovest Sdn Bhd mempunyai kepakaran mereka bentuk rumah menggunakan kontena terpakai dan teknologi prapemasangan yang hanya memerlukan masa singkat untuk disiapkan.